



## **TEKS AMANAT TAHUN BAHARU 2017**

**YBhg. Prof. Madya Dr. Hj Abdol Samad bin Nawi  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**

**'Merentasi dan  
Melangkaui 42 Tahun'  
(42 Years and Beyond)**

**21 Februari 2017  
Selasa  
Dewan Aspirasi**

Bismillahhir-Rahmani-Rahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

- **YANG BERUSAHA PROF MADYA DR HJH KHLIPAH BINTI IBRAHIM**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik
- **AZAHARI BIN ABDUL AZIZ**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
- **PROF. MADYA DR. MAZIDAH PUTEH**  
Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni
- **DR. IBRAHIM JUSOH**  
Penolong Rektor UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu
- **DR. SARIFAH FAUZIAH BINTI SYED DERAMAN**  
Penolong Rektor UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi
- **ARMYN FAHMY MOHD FAHMY**  
Timbalan Pendaftar Kanan
- **SAUDARA MUHAMMAD SYAZWAN BIN AZMAN**  
Yang Di-Pertua MPP
- **Ketua-ketua Bahagian dan Unit**
- **Kakitangan Akademik dan Pentadbiran**

Serta seluruh warga UiTM Cawangan Terengganu

Dari Dungun Ke Kampus Rekreasi Bukit Besi,  
Singgah ke Tasik Puteri mencari ikan,  
Bertemu kita dengan Izin Illahi,  
Hubungan silaturrahim kita eratkan

## **Pengenalan**

1. Pertama-tamanya, saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia, hidayah dan izin-Nya jua saya dapat hadir bagi menyampaikan Amanat Tahun Baharu Rektor bagi tahun 2017 kepada seluruh warga UiTM Cawangan Terengganu sekalian.
2. Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, sahabat, tabiin dan seluruh kaum muslimin muslimat yang mengikut jejak langkah baginda hingga ke hari ini.

3. Saya mendoakan semoga seluruh warga UiTM Cawangan Terengganu berada dalam Rahmat Allah SWT, diberikan kesihatan yang baik, kecerdasan akal dan fizikal untuk meneruskan kehidupan dan kerjaya di UiTM Cawangan Terengganu dengan penuh tanggungjawab.

4. Menerusi kesempatan ini juga, Saya saya harap belum lewat bagi saya untuk sekali lagi mengucapkan selamat tahun baharu, tahun 2017. Tahun yang akan membawa kita semua ke suatu tahap kehidupan setahun lagi dengan pelbagai harapan dan impian. Sepertimana tahun-tahun dahulu yang kini sudah menjadi kenangan, dan tahun baharu 2017 menyediakan kepada semua manusia ruang untuk memajukan diri, menjadi lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

5. Manusia yang maju menurut ukuran yang sebenarnya ialah manusia yang keadaannya pada hari ini lebih baik daripada semalam dan hari esoknya lebih baik daripada hari ini. Jika pada tahun sebelum ini manusia itu berada dalam keadaan tidak baik, maka mereka hendaklah beriltizam untuk menjadi baik pada tahun ini. Malah mereka sentiasa berazam untuk menjadi lebih baik lagi pada hari esoknya.

6. Kerana itu, saya menyeru kepada seluruh warga UiTM Cawangan Terengganu untuk melihat sejenak tahun 2016 yang baharu kita tinggalkan untuk kita muhasabah diri kita dan melihat tahun 2017 ini sebagai ruang untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pencapaian diri, dan tahun 2018, tahun hadapan, sebagai cabaran baharu yang akan membawa kita kepada pencapaian yang lebih baik lagi.

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

7. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya ingin mengajak seluruh warga UiTM Cawangan Terengganu mengenang sahabat-sahabat sejawatan dan seuniversiti kita yang telah kembali ke rahmatullah pada tahun lepas. Mereka ini ialah;

a. Arwahyarham Rosli bin Ngah @ Abdull Aziz, dan

b. Arwahyarham Prof. Madya Hj Norudin Mansor

8. Kepada Allah SWT, marilah kita mendoakan kesejahteraan hidup mereka di alam barzakh dan semoga dikurniakan kepada mereka balasan baik hingga ke hari kebangkitan. Kepada yang beragama Islam, marilah kita sedekahkan kepada roh mereka al-Fatihah. Manakala bagi yang bukan beragama Islam, di minta berdoa mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. **Al-Fatihah.**

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan ucapan terima kasih kepada warga UiTM Cawangan Terengganu yang sudah bersara daripada perkhidmatan di Universiti ini. Saya mendoakan semoga mereka terus berjaya menjalani kehidupan baharu di luar sana sama ada terus berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan di tempat lain atau berkerja sendiri.

10. Kepada warga UiTM Cawangan Terengganu yang pada waktu ini berhadapan masalah kesihatan yang kurang baik, di timpa kemalangan, ditimpah musibah, isteri/suami dan anak-anak yang tidak sihat atau keluarga mendapat musibah/dugaan, marilah kita mendoakan semoga Allah SWT mengurniakan kesembuhan dan kembalikan keceriaan dalam kehidupan mereka.

## Hadirin yang dihormati Sekelian

### A. Intipati Amanat YB Menteri Pendidikan Tinggi 2017

11. Pada 12 Januari 2017 yang lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh telah menyampaikan amanatnya kepada seluruh warga Kementerian Pendidikan Tinggi dengan tema **“REDESIGNING HIGHER EDUCATION”**.

Amanat YB Menteri amat signifikan dengan perancangan yang akan UiTM Cawangan Terengganu laksanakan untuk tempoh lima tahun akan datang. Berikut adalah beberapa inti pati amanat YB Menteri yang penting untuk kita semua ketahui:

i. Kementerian Pendidikan Tinggi akan meneruskan kecemerlangan universiti melalui pendidikan yang bersifat fleksibel seperti iCGPA, 2u2i (Work Based Learning), CEO @ Faculty, APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning), dan MOOC (massive open online course),



ii.10 Lonjakan di bawah PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 terus dijadikan asas untuk melahirkan pelajar bersifat holistik.

iii. Mengubah landskap Universiti sepertimana yang telah digariskan dalam “Playbook” atau Buku Panduan bagi membantu universiti meningkatkan penjana pendapatan, memantapkan tadbir urus, menyokong pembangunan bakat pengajar dan meningkatkan produktiviti akademik dan keberkesanan kos. Pada tahun 2017 ini, 2 lagi Buku Panduan akan dilancarkan iaitu “Blue Book Vol. 1: Strengthening Performance Management” dan “Blue Book Volume II: Strengthening Financial Reporting”.

Seterusnya,

iv. Beliau mengumumkan 2017 sebagai tahun “Penyelidikan Translasi”.

v. Program kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa akan dilaksanakan melalui program Gap Year 2017. Program ini memberi peluang mahasiswa menimba pengalaman melaksanakan kerja sukarelawan di agensi awam.

vi. Meningkatkan Pendidikan TVET dengan merangka dasar TVET Kementerian serta melalui MQA.

vii. Usaha penjanaan dana diteruskan dan dipertingkatkan dengan merujuk kepada “Purple Book: Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf”. Universiti boleh menjana pendapatan termasuk:

- a. Pembukaan potensi aset
- b. Peningkatan aktiviti pengkomersialan penyelidikan dan penawaran perkhidmatan pakar runding
- c. Pengumpulan dana dari alumni dan industri
- d. Pelaburan kewangan dan aset secara strategik
- e. Pewujudan dana waqf dan endowment

viii. Perneriksaan Kepimpinan Pendidikan Tinggi dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) diberi peranan penting dan signifikan dalam membangunkan kepimpinan akademik dan memperkasakan pembangunan bakat bagi IPT seluruh negara.

**Sidang hadirin yang dihormati sekalian,**

Beberapa intipati Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi ini akan dijadikan asas untuk UiTM Cawangan Terengganu bertindak lebih proaktif pada tahun ini selain daripada perancangan yang dirangka UiTM Cawangan Terengganu sendiri dalam Pelan Strategik 2015-2020.

Saya percaya bahawa dalam konteks untuk membawa UiTM Cawangan Terengganu ketahap kecemerlangan yang lebih baik dan benar-benar memiliki nilai bitaranya, maka inovasi harus diperkasakan.

12. Untuk sampai ketahun 2020, kita mempunyai masa hanya tiga tahun lagi. Justeru, setiap perancangan yang telah dirangka adalah bertujuan untuk membawa UiTM Cawangan Terengganu mencapai tingkat kebitaraannya untuk menjadi salah sebuah universiti pendidikan ternama di Terengganu khususnya dan Malaysia amnya.

## **Hadirin yang dihormati Sekelian**

### **B. Intipati Amanat Tahun Baharu 2017- Ybhg. Dato' Naib Canselor UiTM**

13. Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UiTM dalam amanat tahun baharu tempoh hari telah melakar tema “Inovasi Melonjak Persaingan Global” yang membawa maksud inovasi akan menjadi kunci kepada kecemerlangan dan kelestarian UiTM.

14. Fokus Utama 2017 ialah: (7 teras dan 17 strategi tindakan)

a. Teknologi dalam pembelajaran dan Pengajaran

- meningkatkan keupayaan jalur lebar
- membangunkan smart classrooms
- meningkatkan jumlah MOOC

b. Menggalakkan kerjasama akademik antara fakulti dengan fakulti dan UiTM dengan universiti luar:

- membangunkan program double degree
- mewujudkan joint degree atau dual degree

c. Meningkatkan keberkesanan operasi

- mencapai sekurang-kurangnya 5% OE bagi proses universiti dan sekurang-kurangnya 10% penambakan prestasi proses seluruh sistem UiTM

d. Penyelidikan berimpak tinggi

- meningkatkan jumlah geran penyelidikan
- mewujudkan dana khas penyelidikan multidisplinari
- mewujudkan kursi sumbangan pihak luar

e. Penjenamaan dan penarafan

- mencapai sasaran QS ASIA top 150 dan WORLD top 600
- mencapai sasaran ranking webometrics iaitu kedudukan malaysia top 5 dan world top 500

f. Mengamalkan bajet seimbang

- penjanaaan pendapatan dan penjimatan kos diperkasakan
- kutipan wakaf dan zakat dipertingkatkan
- monetization of asset contoh menyewakan bangunan, hartanah dan peralatan diperkasakan

g. Program kelestarian pendidikan tinggi bumiputera

- memastikan semua pelajar bumiputera yang layak tidak dinafikan peluang pendidikan di UiTM
- pendekatan mentoring pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik akan dilaksanakan secara lebih berstruktur, dan pelajar yang berpotensi tinggi akan dibimbing untuk menjadi lebih cemerlang. Dengan itu sistem mentor mentee perlu diperkasakan diperingkat fakulti dan cawangan.

## **C. Intipati Amanat Tahun Baharu 2017 Rektor UiTM Cawangan Terengganu**

15. Sebagai pembuka kepada amanat yang akan disampaikan ini, sukacita saya memaklumkan kepada semua warga UiTMCT beberapa perkembangan suka duka dan pencapaian terbaik yang dicapai dalam tahun 2016, antaranya;

**(Montage Lakaran Gemilang 2016 )**

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

16. Sempena 42 tahun UiTM Cawangan Terengganu, tema amanat tahun ini ialah '**Merentasi dan Melangkui 42 Tahun' (42 Years and Beyond).**

17. Tema ini sangat signifikan dengan misi dan visi kita, untuk menjadi sebuah Universiti Awam ternama di Pantai Timur khususnya dan Malaysia umumnya. Dalam mengharungi cabaran dan tuntutan global pada ketika ini, adalah penting warga UiTMCT untuk kembali memikirkan semula peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam organisasi keramat ini.

18. Refleksi diri dan organisasi wajar dilaksanakan, khususnya selepas 42 tahun keberadaan UiTMCT sebagai nadi ilmu di Bandar Dungun dan Terengganu Darul Iman. Kejayaan hari ini adalah hasil daripada usaha dan komitmen berterusan para pemimpin UiTMCT sejak awal penubuhannya.

19. Di kesempatan ini, ingin saya menyebut secara jelas bahawa kecemerlangan UiTMCT selama 42 tahun akan diteruskan. Saya percaya bahawa jika tiada pemimpin terdahulu maka UiTMCT tidak akan berada pada tahap kegemilangan seperti pada hari ini.



Justeru, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan mantan Pengarah, Provos, Rektor, Timbalan Pendaftar, Timbalan Bendahari, Ketua-ketua PTJ serta semua staf, baik daripada Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Akademik.

Usaha yang tidak mengenal lelah insan-insan berjasa, serta disokong seluruh warga kerja UiTMCT, tetap terpahat dalam lipatan memori dan juga sejarah UiTMCT.

Bandar Dungun Bandar ilmu,

Tempat berhimpun para cendekiawan,

Terima kasih pimpinan terdahulu,

Membawa UiTMCT ke mercu kejayaan

20. Pada tahun ini, genap 42 tahun kewujudan UiTMCT di Bandar Dungun. Sejak penubuhannya pada 1 Julai 1975 di Sura Gate, UiTMCT telah melangkah jauh ke hadapan dalam merealisasikan visi dan misi untuk:

- Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecermerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.
- Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

21. Di usia sebegini UiTMCT telah berjaya berada dalam kapasitinya yang tersendiri iaitu setara dengan UA lain, samada diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sehubungan itu, 42 tahun kewujudan UiTMCT adalah wajar bagi kita semua untuk menilai semula hala tuju UiTMCT serta peranan setiap warganya dalam memenuhi tuntutan dan keperluan masa kini.

**(Montage Pencapaian 42 tahun)**

## **CABARAN 2017 YANG PERLU DITEMPUHI**

22. Pada hari ini, dalam mengurus dan mentadbir sebuah institusi pengajian tinggi, kita berdepan dengan pelbagai cabaran. Dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita harus memikirkan semula kaedah yang sesuai untuk mengurus sumber UiTMCT yang semakin terhad (*scarcity of the resources*).

23. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna kita harus mengorbankan kualiti perkhidmatan dan penyampaian, samada kepada pelajar mahupun masyarakat. UiTMCT perlu mengoptimalkan penggunaan sumber tenaga manusia, untuk memastikan setiap warga UiTMCT dapat menyumbang kearah kecemerlangan Universiti.

24. Selain itu, UiTMCT juga perlu membuat penjajaran dan penambaaikan dalam merealisasikan 10 lonjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu:

- i. Graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang
- ii. Kecemerlangan bakat
- iii. Menghayati pembelajaran sepanjang hayat
- iv. Graduan TVET berkualiti
- v. Kemampanan kewangan
- vi. Pemantapan tadbir urus
- vii. Ekosistem Inovasi
- viii. Keunggulan global
- ix. Pembelajaran dalam talian tahap global
- x. Transformasi penyampaiaan pendidikan tinggi

25. Disamping komitmen kita kepada Kerajaan Pusat, UiTMCT juga perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu Kerajaan Negeri Terengganu, yang juga merupakan pemegang taruh utama, yang mahu UiTMCT terlibat secara langsung dalam meningkatkan taraf pendidikan, sosio-ekonomi selain merangsang penyelidikan dalam bidang kebitaraan di Negeri Terengganu.

26. Cabaran dahulu, kini dan masa hadapan tidak pernah sama dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Kita sebagai hamba yang lemah di muka bumi ini, hanya mampu merancang dan berusaha, agar apa yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan juga bukan datang bergolek, ia mesti disertai dengan usaha dan komitmen yang berterusan, khususnya daripada semua lapisan warga UiTMCT.

Sehubungan itu, pada awal tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam, dan mengukuhkan iltizam dan tekad, agar UiTMCT yang kita sayangi ini, dapat mengharungi segala cabaran dan rintangan yang mendatang.

## **IMBASAN KEJAYAAN 2016**

Burung bangau hinggap di dahan  
Terbang rendah di pohon rumbia,  
Kecemerlangan UiTMCT menjadi harapan,  
Menjulung UiTMCT di persada dunia.

27. Mengimbau kejayaan sepanjang tahun 2016, suka untuk saya menzahirkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga UiTMCT yang telah banyak menyumbang dan mengharumkan nama UiTMCT. Sesungguhnya kejayaan merupakan pencapaian terbaik dalam memartabatkan dan menjulang nama UiTMCT.

28. Kejayaan sesebuah organisasi dan UiTMCT khususnya, bukan hanya sumbangan individu, tetapi merupakan sumbangan seluruh warga kerja, tidak mengira pelajar, staf pelaksana, pegawai pengurusan dan Profesional mahupun staf akademik.

29. Pada tahun 2016, statistik pelajar yang berdaftar di UiTMCT adalah 6295 orang. Jumlah ini dipecahkan kepada tiga kampus, di mana kampus Dungun mempunyai pelajar seramai 4327 pelajar, kampus Kuala Terengganu mempunyai pelajar seramai 968 pelajar dan kampus Bukit Besi seramai 1000 orang pelajar. Pelajar pelajar ini terdiri dari pelajar dari tahap pra diploma seramai 35 orang, diploma seramai 4679 orang, ijazah sarjana muda seramai 1484 orang, dan pasca siswazah seramai 47 orang.

30. Dalam memperkasakan sistem pendidikan bertaraf global, UiTMCT turut tidak ketinggalan dalam menawarkan kursus Massive Open Online Course (MOOC) kepada pelajar dari seluruh dunia.

31. Dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama antara UiTMCT dan Universiti luar Negara, UiTMCT telah berkerjasama dengan Gunma Universiti di Jepun, Universiti Sumatera Utara di Indonesia, Rajmangala Universiti di Thailand dan Karaganda Economic University of Kazakhstan di Kazakhstan.

32. Dalam memantapkan penyelidikan dan perundingan, UiTMCT telah berjaya mengadakan beberapa seminar seperti **TIBEC, GRACE dan ISET.**

### **PELAN STRATEGIK UiTMCT**

33. Sebelum saya meneruskan pembentangan pencapaian UiTMCT dalam tahun 2016, saya ingin menerangkan secara ringkas strategi yang disusun dalam sebuah pelan yang diberi nama Pelan Strategik UiTMCT 2016-2020.



34. Tahun 2016 merupakan fasa pertama kita melaksanakan Pelan Strategik UiTMCT 2016-2020. Ia adalah satu dokumen yang terkandung di dalamnya perancangan lima tahun yang disasarkan untuk dicapai berasaskan Lima Teras utama. Pelan ini dibuat berasaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan juga berasaskan pada strategi yang ditetapkan UiTMCT sendiri. Setiap pencapaian diukur dan dinilai pada objektif-objektif dalam setiap Teras menggunakan indek pencapaian yang ditetapkan. Pelan ini walaupun mempunyai banyak KPI yang perlu diukur, namun yang diambil kira di peringkat Kementerian hanya 5 KPI yang akan saya bentangkan nanti. Perlu diketahui, bahawa PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015 -2025 yang dijadikan teras Perancangan Dan Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara ini mengandungi 10 Lonjakan, iaitu;

- i. Graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang
- ii. Kecemerlangan bakat
- iii. Menghayati pembelajaran sepanjang hayat
- iv. Graduan TVET berkualiti
- v. Kemampanan kewangan
- vi. Pemantapan tadbir urus
- vii. Ekosistem Inovasi
- viii. Keunggulan global
- ix. Pembelajaran dalam talian tahap global
- x. Transformasi penyampaiaan pendidikan tinggi

35. Bagi memantapkan lagi Pelan Strategik UiTMCT, beberapa siri perbincangan dan bengkel pemurniaan telah diadakan bagi menilai dan menstruktur semula semua perancangan agar seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

36. Saya berharap, dengan harapan yang sungguh- sungguh agar semua pihak khususnya ahli akademik dan pegawai sokongan mengambil berat usaha-usaha bagi mencemerlangkan universiti berasaskan Lima Teras yang ditetapkan ini.

37. Untuk makluman tuan/puan sidang hadirin sekalian, mulai hujung tahun 2015 dan secara rasminya bermula tahun 2016, pihak Universiti akan merujuk kepada KPI YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia dalam memantau pencapaian KPI universiti. Di samping itu, KPI Universiti sedia ada sepertimana yang termaktub dalam Pelan Strategik UPSI 2015-2020 akan terus dipantau dan dilaksanakan di peringkat Universiti. KPI YB Menteri akan dipantau oleh LPU setiap dua bulan dan juga pihak Kementerian.

38. Lima (5) KPI YB Menteri yang perlu universiti penuhi, ialah:

(1) Yang pertama, Kebolehpasaran graduan (Graduate employability). Telah ditetapkan oleh KPT untuk mencapai 80% GE. Semasa Istiadat Konvokesyen bagi tahun 2016 yang lalu, kita mencapai 82% melepasi target KPT. Pada tahun 2017, KPI untuk kebolehdapatan kerja yang ditetapkan KPT ialah 85%. InsyaAllah kita sedang merancang pelbagai aktiviti di bawah Timbalan Rektor (HEP) untuk memastikan graduan kita mendapat kerja pada tahun ini seperti disasarkan.

(2) KPI kedua ialah jumlah pelajar antarabangsa. Pada tahun 2016 jumlah pelajar antarabangsa hanya dari Gumna University Japan. Usaha mesti dilakukan untuk membawa masuk lebih ramai lagi pelajar antarabangsa ke UiTMCT melalui Office of International Affair.

(3) KPI ketiga ialah Penyelidikan, penerbitan dan sitasi. Usaha mesti dilakukan untuk kita mencapai target yang ditetapkan. Timbalan Rektor PJIA diamanahkan untuk berusaha memastikan sasaran KPI ini tercapai.

(4) KPI keempat ialah penjanaan pendapatan , dikira % pendapatan yang dijana sendiri daripada keseluruhan perbelanjaan operasi.

(5) KPI kelima ialah produktiviti dan keefisienan kos. Ini dikira mengikut kadar keciciran pelajar dan bergraduasi dalam tempoh masa (Graduation on Time(GOT)). Saya berharap kita berusaha bersungguh-sungguh sebagai penasihat akademik dan penyelia untuk memastikan pelajar di bawah bimbingan kita akan bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Antara caranya ialah membimbing pelajar dengan lebih kerap lagi dan juga mengadakan penyeliaan bersama dengan pensyarah yang lain.

39. Selain daripada 5 KPI yang ditetapkan kepada UiTMCT, pihak UiTMCT juga telah memilih empat KPI utama kita sendiri yang terdapat dalam Pelan Strategik UiTMCT 2016-2020 sebagai KPI tambahan. KPI tambahan tersebut ialah:

- (1) Meningkatkan Bilangan Penyelidikan Bidang Kebitaraan.
- (2) Meningkatkan Geran Knowledge Transfer Programme(KTP)
- (3) Meningkatkan Jumlah dana melalui program NBOS di bawa ke PJIA, dan yang terakhir
- (4) Peningkatan Peratusan jumlah graduan sebagai Usahawan.

**Hadirin yang dihormati Sekelian,**

40. Demikianlah, beberapa pencapaian UiTMCT dalam tahun 2016 berasaskan KPI YB Menteri Pendidikan Tinggi. Melihat dan menghalusi pencapaian tahun 2016, saya menyedari betapa kita harus bergerak dengan langkah yang lebih perkasa pada tahun 2017 agar pencapaian baik pada tahun lalu dapat dikekalkan atau ditingkatkan, manakala beberapa KPI yang masih belum dapat dicapai diberi tumpuan yang lebih khusus dan tindak kerja yang lebih bersungguh-sungguh lagi agar kita dapat capai sasaran yang ditetapkan pada tahun ini.

41. Analisis yang kita lakukan membuktikan bahawa UiTMCT mempunyai kekuatan tersendiri dengan keupayaan akademik pensyarahnya, fasiliti dan prasarana yang ada serta peluang-peluang yang membuka banyak ruang untuk bergerak dan bertindak.

42. Saya juga menyedari bahawa transformasi yang berlaku sebelum ini agak perlahan, berdikit-dikit dan masih kurang menampakkan lompatan saujananya, ketuntasannya dan keperkasaannya. Justeru, nilai bitara yang kita hambati untuk sampai pada tahun 2020 kelihatan masih jauh dan berbalam.

43. Memahami keupayaan, kelebihan, kekurangan dan peluang yang ada, dan dengan perancangan yang tersusun dalam Pelan Strategik UiTMCT 2016-2020, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 dan KPI YB Menteri, saya mengusulkan gerak kerja kita pada tahun 2017 bergerak atas tema `MERENTASI DAN MELANGKAUI 42 TAHUN` (42 YEARS DAN BEYOND).

44. Marilah kita berusaha lebih gigih dengan mengoptimumkan keupayaan akademia, pemikiran kreativiti dan inovatif untuk mencapai cita-cita menjadikan UiTMCT sebagai sebuah universiti bitara dalam Kejuruteraan, Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan dan Sains Komputer di Pantai Timur pada tahun 2020.



**Hadirin yang dihormati sekalian.**

**MERENTASI DAN MELANGKAUI 42 TAHUN  
(42 YEARS DAN BEYOND)**

45. Tema yang digagaskan ini membawa suatu iltizam dan komitmen yang khusus pada tahun ini iaitu untuk memerkasa usaha kreativiti dan inovasi bagi mengupayakan secara optimum tenaga akademik dan pentadbiran UiTMCT melaksanakan perancangan seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik UiTMCT 2016-2020, PPPM(PT) 2015-2025 dan KPI YB Menteri.

46. Kreativiti dan Inovasi harus berlaku dalam semua aspek, mengikut keupayaan dan bidang masing-masing. Kreativiti dan Inovasi di UiTMCT perlu bergerak secara menyeluruh, di negeri Terengganu sendiri, dalam negara dan juga ke luar negara, sehingga menampakkan UiTMCT bukan sahaja terkenal dengan kegemilangan budayanya, tetapi juga dengan kekuatan akademianya, kreativiti dan inovasinya dalam pelbagai bidang.

47. Saya yakin, bahawa usaha memperkasa kreativiti dan inovasi kebitaraan UiTMCT pada tahun 2017 boleh dilakukan dengan baik, kerana UiTMCT memiliki beberapa kelebihan yang menjadi tunggak kekuatannya, antaranya ialah:

- i. Jumlah ahli akademik yang memiliki PhD telah mencapai 41 orang. Semua ahli akademik dimestikan mempunyai geran penyelidikan, berkarya menghasilkan artikel jurnal dan buku akademik, membuat aktiviti perundingan dan juga khidmat masyarakat.
- ii. Kemudahan prasarana yang tersedia yang telah menyediakan ruang untuk pensyarah mengambil manfaat daripadanya, seperti;
  - geran penyelidikan dalam bidang bitara.
  - Makmal Penyelidikan Canggih di Bukit Besi.
  - Kompleks Sukan
  - Kemudahan Sistem Maklumat Bersepadu
  - Hotel UiTM Dungun
  - Resort Campus

**Sidang hadirin yang dihormati sekalian.**

48. Kita harus menyedari bahawa UiTMCT pada masa kini sudah terkenal dalam bidang yang boleh saya anggap sebagai `trade mark` UiTMCT. Ini adalah `wow factor` yang menaikkan bendera kebitaraan UiTMCT. Bidang itu ialah; PENGURUSAN HOTEL dan HOSPITALITI.

49. Di hadapan kita terbuka luas ruang untuk ahli akademik mencari apa sahaja peluang untuk mendapat geran penyelidikan, perkongsian (*Smart-partnership*) yang menguntungkan dengan pelbagai agensi dan pihak luar. Peluang ini terbuka dengan beberapa perkembangan baharu yang berlaku Di UiTMCT, antaranya;

- a. Pelaburan dalam sumber Tenaga Solar dan angin
- b. Pelaburan UTSSB dalam *Offshore Catering*
- c. Perlaksanaan program pengantarabangsaan oleh Office of International Affair

d. Kerancangan agropreneur oleh MASMED dan Myagrosis seperti projek Burung Walit, Tanaman Kelapa Pandan, Madu Kelulut, Lobster Air Tawar dan program Tunas Mekar

**Hadirin sekalian,**

50. Fakulti -Fakulti, Office of International Affair, dan juga Pusat Perhubungan Alumni mestilah duduk semeja membentuk jawatankuasa bertindak bersama untuk memerkasakan usaha-usaha sedia ada dan merancang usaha membawa pelajar luar negara ke UiTMCT.

51. Di samping itu, perlu juga diwujudkan program-program silang budaya untuk pelajar antarabangsa terutama pada waktu semester sebagai satu tawaran kepada mereka belajar di UiTMCT. Perlu ada jaringan kerjasama dengan komuniti setempat untuk menjayakan usaha ini.

52. Saya juga berharap nisbah perkadaran ahli akademik dengan jumlah penulisan dalam jurnal berindeks pada tahun 2017 akan mencapai 0.5.

53. Di samping itu, kita perlu juga sentiasa sedar tentang *Citation Index*. Perluaskan sebaran penulisan dan mempromosi karya kita untuk dirujuk/dipetik oleh rakan-rakan kita sebagai rujukan akademik. Aspek *Citation* ini dijadikan salah satu KPI Menteri yang mengukur dan menilai sesebuah universiti berdasarkan penyelidikan, penerbitan dan nisbah *citation per lecturer*. KPI yang ditetapkan pada tahun 2017 ialah empat. Ini bermakna setiap pensyarah mesti dirujuk sebanyak 4 kali hasil penulisan mereka.

54. UiTMCT akan terus memperkasakan lagi kreativiti dan inovasi Kebitaraan dalam bidang penyelidikan. Beberapa petunjuk pencapaian tahun 2016 dapat dijadikan sandaran bahawa UiTMCT mampu melakukannya. Cuma yang penting ialah kesediaan kita untuk beranjak dan menggandakan sedikit lagi keupayaan kita.

55. Bidang pengkomersialan masih berada pada tahap kosong. Prestasi penjaan pendapatan daripada produk inovasi masih tidak mencapai angka yang disasarkan. Justeru, pada tahun 2017, usaha ini perlu diperkasakan lagi. PJIA dengan kerjasama fakulti serta Makmal Penyelidikan perlu melihat secara lebih spesifik hasil-hasil kajian untuk pengkomersialan

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

#### Kemampuan Kewangan

56. Dalam waktu kita melaksanakan tugas, merancang dan melaksanakan pelbagai program, kita tidak boleh lupa sama sekali dengan keupayaan kewangan yang menjadi tunggak sesuatu kejayaannya. Kemampuan Kewangan menjadi satu isu besar dalam setiap masa, dan pada tahun 2017 isu ini menampakkan situasi semakin kritikal.

57. Inilah salah satu cabaran terbesar bagi kita, kerana dalam waktu kita bergerak lebih maju, lebih agresif memperkasakan segala usaha untuk memajukan Universiti ini, kita dikekang dengan masalah kewangan.

58. Namun begitu, kita tidak boleh putus asa dan menyerah kalah. UiTMCT mengambil jalan tengah dengan mengamalkan budaya belanja secara berhemah di samping memperkenalkan beberapa tindakan untuk mengurangkan kos khususnya bagi perbelanjaan yang bersifat belanja hangus.

59. Semua sedia maklum bahawa peruntukan bagi sektor pendidikan telah dikurangkan sebanyak 29 peratus dalam bajet 2017. Pengurangan ini memberi kesan langsung kepada semua Universiti Awam. Kaedah pembahagian peruntukan pula telah diubah. Hal ini telah telah saya jelaskan sebelum ini dalam bengkel penjimatan bulan Januari 2017 yang telah saya nyatakan tadi.

60. UiTMCT akan terus bergerak ke hadapan dengan tekad untuk memperkasakan kreativiti dan inovasi kebitaraan. Bagi menjamin kewangan UiTMCT berada dalam keadaan berimbang, stabil dan tiada ketirisan, maka sangat penting semua PTJ mengambil langkah-langkah perbelanjaan berhemah.

61. Berhemah tidak bermaksud kedekut atau tidak berbelanja langsung, tetapi mengamalkan ketelitian, keseimbangan, bertindak mengikut keutamaan iaitu Dharuriyyah, Hajjiat dan Kamaliat, berfikir untuk memberi dan menerima, berfikir tentang untung rugi dan menimbang kesan-kesan masa hadapan. Inilah yang perlu diambil perhatian oleh semua PTJ supaya setiap sen yang dibelanjakan dapat memberikan pulangan kepada universiti yang lebih effisyen. Kita akan memastikan bajet pengurusan tahun ini akan dibelanjakan se-effisyen mungkin supaya pada tahun hadapan kita akan mendapat bajet sepertimana dirancangkan.



Pada 2107 sasaran bajet kita ialah perbelanjaan kita kurang daripada pendapatan kita atau dengan erti kata lain kita akan mengamalkan perbelanjaan surplus.

62. UiTMCT juga telah dan sedang mengambil langkah-langkah penjimatan. Satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penjimatan berperanan merangka strategi penjimatan telah diwujudkan Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Sazali bin Mohamad Salleh, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Semua warga UiTMCT harus mengambil berat soal penjimatan dan membudayakan amalan ini. Antara langkah yang perlu dilaksanakan ialah;

- i. Padamkan komputer sepenuhnya sebelum pulang dari tugas
- ii. Tetapkan kadar suhu pada 24 darjah celcius
- iii. Tutup semua suiz yang tidak digunakan.
- iv. Menggunakan aset sedia ada dan secara guna-sama.
- v. Penggunaan operasi secara *online* bagi mengurangkan penggunaan kertas.

63. Perkara yang saya sebutkan ini berkait secara langsung dengan dua KPI Menteri iaitu, KPI ke-4, *income generation* dan KPI ke-5 *productivity and cost efficiency*.

Ini bermakna menjana kewangan sendiri adalah satu keperluan bagi kita terutama dalam konteks untuk menampung pelbagai kegiatan di peringkat PTJ dan juga universiti. Justeru itu, satu Jawatankuasa Penjana Pendapatan juga telah ditubuhkan bagi mengenalpasti sumber-sumber penjana pendapatan UiTMCT. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Nazaruddin bin Derani, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Antara langkah dilaksanakan ialah;

1. Intersesi dilaksanakan semula
2. Sewaan premis dalam UiTMCT akan dirancarkan
3. Program 1 Fakulti, 1 Janaan pendapatan akan diperkenalkan
4. Projek tenaga Solar dan tenaga angin

64. Fakulti mestilah mengaktifkan dan memperkasakan pusat kecemerlangan (*Center of Excellent*) masing-masing. Fungsi Pusat kecemerlangan wajar diluaskan supaya makna kecemerlangan itu tidak tertumpu kepada kecemerlangan bidang penyelidikan semata-mata, tetapi perlu menambah fungsi kepada aspek menjana sumber kewangan dan perundingan dengan menggunakan kepakaran. Wang yang diperoleh itu digunakan untuk menyemarakkan lagi penyelidikan yang sedang dijalankan. Apabila kriteria dipenuhi, CoE ini diharap menjadi HiCoE yang dapat menjana lebih banyak kewangan dan menaikkan nama dan imej UiTMCT.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### Memperkasakan Kualiti Tadbir Urus

65. Kejayaan kreativiti dan inovasi Kebitaraan UiTMCT sebenarnya banyak disokong oleh presentasi tadbir urus. Elemen integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan perkhidmatan menjadi aspek terpenting yang memperlihatkan sebuah presentasi perkhidmatan itu berkualiti atau sebaliknya.

66. Kita semua adalah pemain terpenting dalam tadbir urus universiti, dan kitalah juga pihak yang akan menentukan kejayaan atau kegagalannya. Kerana itu, harus wujud kesedaran dalam diri kita bahawa setiap daripada kita adalah penyumbang kepada sebuah tadbir urus yang baik dan berkualiti di universiti ini.

67. UiTMCT tidak boleh menarik nafas lega, kerana KPI yang menunjukkan jumlah pensyarah yang berkelulusan Ph.D tidak mencapai sasarannya. Oleh itu, bagi pensyarah yang masih belum menyiapkan Ph.D mestilah melipat gandakan usaha untuk menyiapkannya, memperkasakan daya keserjanaan pada tahun 2017 ini supaya tanggungjawab akademik kepada Universiti ini dapat dilunaskan. Jangan ada yang sanggup mengejar untuk mengajar kursus-kursus di luar kemampuannya, seperti PJJ, kursus yang ditawarkan oleh IPT lain di luar UiTMCT atau mengajar kursus-kursus eksekutif, sedangkan tanggungjawab menyiapkan Ph.D diabaikan. Sikap seperti ini tidak patut berlaku dan perlu dielakkan. Jangan kita sibuk memasang atap di rumah seberang, tiris atap di rumah sendiri dibiarkan.

68. Kita juga mensasarkan pada tahun 2017 ini, sejumlah 85-90 peratus staf UiTMCT memperolehi markah LNPT melebihi 85 peratus. Jika dasar baharu iaitu *Exit-Policy* dikuatkuasa, ada kesan ke atas perkhidmatan staf yang mendapat markah LNPT bawah paras 60 peratus. Kerana itu, saya menyeru supaya semua staf memperkasakan keupayaan diri dalam bidang tugas masing-masing pada tahun 2017 dan mengambil cakna aspek-aspek penting yang dijadikan asas penilaian supaya setiap komponen penilaian dapat dipenuhi apabila penilaian prestasi 2016 dibuat nanti. Sebagaimana yang saya maklumkan di awal ucapan tadi, tuan/puan boleh mendapatkan kriteria yang digunapakai dalam LNPT 2017 ini secara detail daripada Timbalan Rektor HEA dan Bahagian Pentadbiran.

69. Bagi menyediakan staf dan pelajar UiTMCT dengan minda kreatif dan bermandiri, Pada tahun 2017, UiTMCT akan telah menghantar beberapa lagi staf akademik dan bukan akademik mengikuti kursus NLP (*Neuro Linguistic Program*) di Pasir Salak. Semua yang menyertainya telahpun memperolehi sijil masing-masing yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh di Putrajaya. Agenda NLP adalah KPI YB KPT dan UiTMCT diarah menyediakan laporan terkini program NLP ke TNC HEP dan TNC HEP melaporkan ke KPT.

70. Kursus NLP ini amat penting bagi UiTMCT dalam menyediakan jurulatih-jurulatih yang berkebolehan untuk melatih staf dan pelajar UiTMCT . Program NLP ini sesuai dengan gagasan `memperkasakan transformasi kebitaraan UiTMCT` kerana komponen kursusnya adalah bertujuan untuk membina potensi diri dan keupayaan berfikir untuk menyelesaikan masalah.

71. Untuk mencapai hasrat ini, UITMCT telah mewujudkan satu team bagi menggerakkan program NLP di peringkat Universiti. Team ini diletakkan dibawah portfolio Hal Ehwal Pelajar iaitu di Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) dan diketuai oleh seorang Ketua. Kita berharap Team NLP ini akan mula berfungsi dengan lebih rancak mulai bulan Mac depan.

71. Pada tahun 2017 juga, kita mahu supaya tahap kepuasan pelanggan/pekerja mencapai 90 peratus dan ia juga selari dengan pelancaran Happiness Index oleh Pejabat Naib Canselor. Kita mahu staf dan juga pelanggan yang berurusan dengan pengurusan Universiti berasa lebih selesa, harmoni, mesra dan menyakinkan. Beberapa aspek yang sering menjadi bahan kritikan adalah seperti kemudahan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan pentadbiran, dan infra dan inforstruktur akan diberi penekanan untuk ditambahbaik.



72. Seperti yang telah saya sebutkan pada awal ucapan ini bahawa ahli akademik mestilah mempertingkatkan kegiatan penulisan terutama artikel jurnal dan buku akademik. Kegiatan ini akan lebih berjaya dan bermakna sekiranya dibantu dengan baik oleh UiTM Press.

73. Demikian juga dengan kegiatan penerbitan oleh UiTM Press. Selain daripada menerbitkan buku-buku akademik, UiTM Press juga perlu menerbitkan manuskrip karya bukan akademik yang berpotensi menjana pemikiran kreatif dan kritis. Kegiatan ini juga boleh membantu menjana pendapatan UiTMCT.

74. Demikian juga dengan Strategic Business Unit (SBU) yang akan menjadi salah satu tunggak penjanaan sumber pendapatan UiTMCT. UiTMCT sedang memikirkan untuk menggerakkan SBU dengan mengambilkira kekangan Kementerian Kewangan Malaysia. Banyak idea SBU tersekat akibat dari kekangan ini seperti peraturan Arahan Perbendaharaan (AP).

75. Pada tahun 2017, SBU perlu menerokai peluang perniagaan yang lebih luas dan berimpak untung yang tinggi, berskala sederhana dan besar dengan harapan sasaran untuk membawa pendapatan kepada UiTMCT dengan jumlah RM1 juta dapat dicapai. Kita berharap, SBU yang akan kita rangka ini dapat melakukan usaha memperkasakan transformasi penjanaaan pendapatan agar mampu berdaya saing, mampu meneroka peluang baharu dan meraih pendapatan yang lebih besar pada tahun 2017. Diantara projek yang telah kita rancang di SBU ialah;

1. Projek Tenaga dari sumber Solar
2. Projek Tenaga dari sumber angin

Selain itu, Bahagian Pentadbiran disarankan mempergiatkan lagi kerjasama erat dengan jabatan dan agensi luar daripada UiTMCT iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Institut Tadbiran Awam Negara, Kampus Wilayah Timur (INTIM).

Perancangan ini dibuat susulan lawatan kerja yang telah dibuat sebelum ini dan bentuk kerjasama tersebut akan terus diperkukuhkan dengan cadangan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTMCT dengan pihak-pihak tersebut. Intipati utama kepada bentuk kerjasama tersebut meliputi pemerkasaan latihan dan pembangunan staf di kampus ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

## Hal Ehwal Pelajar

76. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan hal ehwal pelajar. Pelajar adalah pelanggan utama kita. Oleh itu, perhatian yang berterusan perlu diberikan terutama yang berkait dengan penempatan dalam kerjaya, kebajikan, pembentukan sahsiah terpuji, perkhidmatan selepas bergraduat dan pembinaan nilai jati diri. Tahun 2017 ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar bertemakan “Kepimpinan Profesionalisma” yang difokuskan kepada program-program yang berimpak tinggi sahaja kepada warga dan masyarakat am nya.

77. Selain itu, Timbalan Rektor (HEP) dan juga Staf Residen Kolej (SRK) perlu lebih proaktif memperkasakan apa jua tindakan untuk memastikan kebajikan pelajar di kolej dan di fakulti berada dalam keadaan menyakinkan pelajar. 2017 adalah tahun dimana HEP memberi fokus kepada penyelidikan pelajar dan ia sebahagian dari agenda MEKEM yang telah di

mulakan sejak tahun 2013 yang lalu. MEKEM UiTMCT telah menjadi KPI kepada UiTM cawangan-cawangan lain dalam memantapkan lagi tadbir urus mahasiswa di era globalisasi ini. Usaha sebegini akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang.

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

### **Media dan Komunikasi Mengilap Imej UiTMCT**

78. Untuk mencapai tahap sebagai sebuah Universiti Awam yang cemerlang bukan suatu yang mudah dan cantik di atas kertas sahaja. Sebaliknya, pada sisi lain yang lebih penting ialah peranan media dan komunikasi melakukan kerja-kerja mengilap imej UiTMCT dalam media sehingga benar-benar menampak imej UiTMCT sebagai sebagai sebuah universiti yang unggul dalam bidang kebitaraan di Pantai Timur.

79. Setakat, ini peranan ini telah dilakukan dengan baik oleh pihak Komunikasi Korporat yang diterajui oleh Koordinator Unit Komunikasi Korporat iaitu En Arma Mohd Faizal bin Abu Bakar bersama tenaga kerjanya. Namun, pada tahun 2017, kita mahu peranan ini diperkasakan dan dapat memperluaskan sebaran maklumat tentang UiTMCT ke peringkat antarabangsa.

Unit Komunikasi Korporat mestilah menjadi pintu utama keluar dan masuk maklumat UiTMCT baik dalam bentuk media cetak, elektronik mahupun aplikasi dalam talian. Selain Unit Komunikasi Korporat perlu mencapainya KPI yang telah ditetapkan dalam Objektif Kualiti iaitu memastikan sekurang-kurangnya 5 penerbitan dalam media cetak dan elektronik dalam setahun. Selain itu UKK juga dijadikan sebagai pakar rujuk bagi menjayakan sesebuah program universiti.

80. Peranan radio kampus MyUFM hendaklah diperluaskan dan kandungan informasinya haruslah bersifat semasa dan terkini. Maklumat bukan sahaja perlu dicari tetapi juga perlu kepada kajian supaya informasi yang kita sajikan benar-benar bermanfaat dan berilmiah kepada warga kampus.

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

Kesediaan Merealisasikan program Memperkasakan  
Kebitaraan UiTMCT

81. Apa jua yang akan dilakukan oleh UiTMCT untuk menjayakan setiap gerak kerjanya pada tahun 2017 adalah perlu berlandaskan tema **`Merentasi dan Menglangkau 42 tahun (42 years and Beyond)`**. Ini, kita tidak boleh lari daripada mengharapkan Reda dan Rahmat Allah SWT. Saya memohon Pusat Hidayah menganjurkan masjlis bacaan Yassin dan solat hajat secara berterusan untuk kita lorongkan harapan kita pada tempat yang betul dan benar supaya dengan Izin Allah SWT membuahkkan hasil yang diharapkan.

82. Saya ingin mengulangi seruan yang sama dalam amanat tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016 iaitu, Para Ketua PTj hendaklah memberi perhatian kepada semua usaha untuk merealisasikan kejayaan semua objektif yang ditetapkan dalam Pelan Strategik UiTMCT 2015-2020 dan yang penting bagi tahun 2017 ini ialah mencapai sasaran KPI yang ditetapkan. Malah pihak pejabat Naib Canselor akan memantau pencapaian KPI kita setiap dua bulan sekali di mana pelaporan pencapaian KPI dijadikan sebagai agenda tetap dalam mesyuarat LPU.

83. Marilah kita menyiapkan diri dengan persiapan dan kesediaan yang benar-benar menampakkan kesungguhan untuk berjaya mencemerlangkan UiTMCT pada tahun 2017 dan tahun-tahun berikutnya.

Jika sejengkal orang ke hadapan, kita pergi jauh selangkah. jangan duduk hanya menunggu datangnya terang di waktu siang, sebaliknya capailah awan, bulan dan bintang walaupun hari masih ditutupi malam.



84. Dalam usaha untuk mencapai cita-cita ini, saya percaya bahawa UiTMCT juga perlu kepada sokongan daripada semua pihak di luar UiTMCT termasuk badan-badan NGO, persatuan-persatuan dan orang perseorangan yang bersedia untuk membantu.

85. Saya berharap badan-badan dan persatuan dalaman seperti PEWANI, KKUiTM, PSKK, Kelab Akademik dan BANGKIT dan lain-lain terus memberi sokongan bagi menjayakan usaha-usaha bersama.

## Penutup dan Kesimpulan

### **Hadirin yang dihormati sekalian.**

86. Dewasa ini, sering ditekankan berkenaan penjawat awam dan integriti. Namun, ada ketikanya dalam sudut pekerjaan dan perkhidmatan, kita perlu berbicara melangkui konsep dan amalan integriti yang fokusnya adalah *human-centric*. Ihsan, yang fokusnya lebih kepada *God-centric*, sebagai suatu mekanisme untuk seseorang staf melaksanakan tugas dan amanah dengan beretika dan berintegriti, di samping memahami bahawa setiap tindak lakunya sentiasa dalam perhatian Tuhan Maha Melihat.

87. Ini sesuai dengan hadis Nabi SAW Riwayat Muslim yang bermaksud:

Nabi Muhammad SAW ditanya apakah Ihsan? Baginda menjawab, “Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya. Kalaupun engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihatmu”

88. Bagi seorang akademik, ihsan dalam pengajaran dan pembelajaran, ihsan dalam penyelidikan dan pembangunan, ihsan dalam penerbitan dan penulisan malahan ihsan dalam keterlibatan industri dan kemasyarakatan.

89. Bagi seorang pengurusan dan professional, ihsan dalam urusan pentadbiran, manakala bagi kumpulan pelaksana, ihsan dengan tugas dan amanah yang diberikan.

90. Kesimpulannya, ihsan sebagai aspirasi spritual (yang mengharapkan keredhaan Allah), kewajaran tingkah laku (berbuat kebaikan kepada semua) dan kecemerlangan dalam tindakan (berbuat sesuatu dengan penuh kesempurnaan dan kecemerlangan). Semoga kita semua tergolong dalam kalangan insan yang mengamalkan konsep ihsan.

91. Marilah kita menetapkan ahklak dan ihsan sebagai komponen utama bagi mercu tanda kejayaan sesebuah organisasi keilmuan seperti UiTMCT, dalam melaksanakan proses kemajuan dan pembangunan, seterusnya menghidupkan ekosistem yang harmoni dan penuh dengan keberkatan.

92. Walaupun beberapa inisiatif transformasi struktural dan pengwujudan fungsi dan tanggungjawab baharu yang diperkenalkan 2017 ini, ia tidak akan berjaya selagi tiada perubahan set minda (mindset) dalam perlaksanaan tugas kita, peranan kepimpinan yang berkesan, pemikiran yang strategik dan kreativiti serta inovasi dan yang lebih utama aspek bekerja secara berpasukan (teamwork) dan esprit de cop sangat penting dalam memastikan kejayaan kita.

93. Doa dan harapan saya juga, semoga kehadiran kita di sini diberkati Allah SWT, dan semoga ikatan ukhwah kita sebagai warga UiTMCT sentiasa dihatiku, akan terus berkekalan dan bersimpul rapi, untuk kita sama-sama meneruskan perjuangan dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan, demi Universiti yang tercinta ini.

Mudik ke hilir ke Kampung Boyan

Singgah membeli buah durian

Warga berintegriti satu keperluan

Akhlak terpuji menjadi sanjungan

Hajat di hati mencari rotan

Rotan melilit di tepi hutan

Jujur dan ihsan menjadi tuntutan

Jadi pegangan menjulang kecemerlangan

**Sekian**

**Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**